



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021

---

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam Tiga Puluh minit

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian**: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 3
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **Dua** soalan daripada **Bahagian B**.
- 7
3. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 5
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat.  
Kemudian
- 6
- tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap solan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

---

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
**(60 MARKAH)**  
*Jawab semua soalan.*

1

- (a) Lengkapkan rumus persamaan perakaunan berikut:

$$\boxed{\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \underline{\hspace{2cm}} \mathbf{J} \underline{\hspace{2cm}} + \text{Hasil} - \underline{\hspace{2cm}} \mathbf{K} \underline{\hspace{2cm}}}$$

Apakah **J** dan **K** ?

(2 markah)

- (b) Nyatakan 2 sebab sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan.

- (i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

(2 markah)

- (c) Kesilapan berikut berlaku dalam buku Perniagaan Mazlan

Sewa diterima sebanyak RM650 telah dikreditkan dalam Buku Tunai dan didebitkan dalam Akaun Hasil Sewa

- (i) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku. (1 markah)  
(ii) Tunjukkan catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am. (2 markah)

- (d) Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Teraju Berhad pada 1 Januari 2021.

	RM
<b>Modal Diterbitkan dan Dibayar Penuh</b>	
800 000 unit 7% Syer Keutamaan	800 000
1 000 000 unit Syer Biasa	2 000 000

- (i) Hitungkan nilai seunit Syer Keutamaan dan Syer Biasa dalam RM. (2 markah)  
(ii) Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Syarikat Teraju Berhad mengisytiharkan 10% dividen atas syer biasa. Hitung jumlah dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Biasa. (1 markah)

2. Kelab Kesenian Taman Muhibah telah membuka kedai alat tulis dan mengadakan pertandingan melukis untuk menambahkan pendapatan kelabnya. Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Yuran Belum Terima	220	240
Yuran Belum Terperoleh	450	430
Akaun Belum Terima Kedai Alat Tulis	1 400	1 350
Akaun Belum Bayar Kedai Alat Tulis	2 200	2 560
Inventori Kedai Alat Tulis	1 050	1 280
Rumah kelab	80 000	78 000
Bank	12 000	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti yang berikut:

	RM
<b>Penerimaan :</b>	
Jualan Alat Tulis	17 500
Akaun Belum Terima Kedai Alat Tulis	3 240
Yuran ahli	25 000
Yuran masuk	1 800
Derma am	120
Kutipan pertandingan melukis	1 900
<b>Pembayaran :</b>	
Akaun Belum Bayar Kedai Alat Tulis	2 000
Upah pekerja Kedai Alat Tulis	1 400
Insurans	1 500
Belian Alat Tulis	13 000
Belanja pertandingan melukis :	
Hadiah	600
Sagu hati pengadil	400
Kadar Bayaran	1 700
Belanja mengecat rumah kelab	800

Maklumat tambahan :

- (i) Belanja mengecat rumah kelab yang masih belum dibayar ialah RM200.
- (ii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun bermula pada 1 September 2020.
- (iv) Kadar Bayaran yang masih belum dibayar ialah RM100.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (i) Akaun Yuran Ahli (3 markah)
- (ii) Akaun Kawalan Belum Terima (2 markah)
- (iii) Akaun Kawalan Belum Bayar (2 markah)
- (iv) Penyata Mengira Untung atau Rugi pertandingan melukis. (2 markah)

- (v) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (bentuk penyata)(4 markah)  
 (vi) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (bentuk penyata) (6 markah)  
 (vii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020. (6 markah)

3. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Infiniti:

	<b>RM</b>
<b>Inventori pada 1 Januari 2020 :</b>	
Bahan langsung	10 000
Barang siap	8 500
Alat-alat kecil	1 600
Kerja dalam proses	13 650
<b>Belian :</b>	
Bahan langsung	160 000
Alat-alat kecil	2 300
Upah pekerja langsung	144 000
Upah tak langsung	32 400
Gaji pekerja pejabat	15 000
Gaji pengurus kilang	18 000
Pulangan bahan langsung	1 600
Komisen jurujual	2 800
Angkutan masuk bahan langsung	1 040
Kadar Bayaran	13 000
Insurans	3 400
Sewa	20 000
Jualan barang siap	550 000
Loji dan mesin	120 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	12 000
Bank	14 000
Royalti	1 900
Insurans atas belian bahan langsung	850
Belanja membaiki mesin kilang	2 200
Angkutan keluar	1 750
Belanja pejabat	4 000
Belanja-belanja kilang	2 800
<b>Inventori pada 31 Disember 2020 :</b>	
Bahan langsung	9 800
Barang siap	11 000
Alat-alat kecil	900
Kerja dalam proses	11 350

Maklumat tambahan :

- (i) Loji dan kilang disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Insurans yang masih belum dibayar ialah RM500.
- (iii) Kadar bayaran yang masih belum dijelaskan ialah RM300.
- (iv) Upah langsung belum bayar ialah RM2 000.
- (v) Upah tak langsung belum bayar ialah RM400.
- (vi) Sewa prabayar ialah RM600.
- (vii) Belanja yang berikut dibahagikan antara kilang dan pejabat:

	<b>Kilang</b>	<b>Pejabat</b>
Insurans	80%	20%
Kadar Bayaran	90%	10%
Sewa	70%	30%

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (dalam bentuk penyata).  
(16 markah)
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (dalam bentuk penyata)  
(9 markah)

**BAHAGIAN B**

(40 markah)

*Jawab DUA soalan sahaja*

- 4 (a) Pada 1 Januari 2018, Perniagaan Warisan Bonda telah membeli sebuah komputer RM4 000 untuk kegunaan pejabat. Komputer tersebut disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada penghujung tahun 2020, Perniagaan Warisan Bonda berhasrat untuk membeli sebuah komputer baharu yang berharga RM5 000 bagi menggantikan komputer lama ini. Komputer lama dijual dengan harga RM2 500 pada 31 Disember 2020. Cek telah diterima dan dibankkan. Tempoh kewangan perniagaan berakhir pada setiap 31 Disember.

Anda dikehendaki menyediakan:

- |   |            |
|---|------------|
| (i) Akaun Alatan Pejabat pada tahun 2020                  | [2 markah] |
| (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul bagi tahun 2020          | [3 markah] |
| (iii) Akaun Pelupusan Alatan Pejabat                      | [4 markah] |
| (iv) Akaun Untung atau Rugi atas pelupusan Alatan Pejabat | [1 markah] |

- (b) Kedai Buku SURIA menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada

1 April 2021. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali iaitu pada setiap awal bulan. Berikut ialah maklumat berkaitan penerimaan dan penggunaan wang bagi memulakan Buku Tunai Runcit dalam bulan April 2021.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

	2021	RM
	April 1	Tunai runcit
		400

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2020		
April 3	Alat tulis dan kertas	40
5	Bayar belanja membaiki pintu pejabat	60
8	Sofa pejabat	800
9	Bungkusan pos laju	40
12	Mesin daftar tunai	300
13	Pinjaman Maira	100
16	Sampul surat	10
18	Bayar tambang teksi kepada Arif	25
26	Surat berdaftar	20
29	Upah mencuci	70

**Anda dikehendaki;**

- i) Menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 April 2021 dengan menunjukkan lajur **alat tulis, belanja pejabat, pos dan pelbagai di LAMPIRAN A**

[10 markah]

5. De' Reen Enterprise menjalankan Perniagaan Batik dan Songket di Bandar Kota Tinggi. Maklumat berikut berkaitan dengan operasi perniagaannya bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2021.

- (i) Pada 1 Jan 2021, perniagaan ini mempunyai baki-baki berikut:

	RM
Tunai di tangan	1 200
Alatan pejabat	18 000

- (ii) Pada bulan Januari 2021, perniagaan membeli sebuah Van bernilai RM60 000 di mana pendahuluan sebanyak RM10 000 dibayar pada bulan Jan dan bakinya dibayar dalam 10 kali ansuran mulai bulan berikutnya.
- (iii) Belian bahan mentah pada bulan Januari ialah RM18 000 dan belian ini untuk bulan-bulan berikutnya dianggarkan akan berkurangan sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya.
- (iv) Jualan tunai untuk bulan Januari adalah sebanyak RM22 000 dan akan bertambah sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.
- (v) Pinjaman bank RM35 000 dijangka akan diterima pada bulan Februari. Bayaran balik pinjaman sebanyak RM400 sebulan dan faedah pinjaman sebanyak 0.2% sebulan dibayar mulai bulan Mac.
- (vi) Sewa kedai dibayar dianggarkan RM500 sebulan dan dibayar setiap 2 bulan sekali bermula pada bulan Januari 2021.
- (vii) Kadar bayaran bulanan pula dianggarkan sebanyak RM320 dan akan dibayar pada bulan berikutnya.
- (viii) De' Reen Enterprise mempunyai 3 orang pekerja. Bayaran gaji sebanyak RM450 seorang dibuat pada akhir setiap bulan. Pada bulan Mac De' Reen Enterprise telah menambah seorang lagi pekerja.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2021

[20 markah]

- 6(a). Encik Razlan memulakan perniagaan Azlan Motor Enterprise yang menjual alat ganti motosikal pada 1 Januari 2020 dengan aset-aset berikut:

	<b>RM</b>
Tunai	800
Bank	57 000
Perabot	18 000
Kenderaan	35 000

Berikut ialah urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Januari 2018 :

Jan

- 8 Belian barang niaga secara kredit RM3 540 daripada Jonah Trading.
- 15 Mengambil barang niaga berkos RM996 untuk tujuan promosi.
- 17 Jualan barang niaga secara kredit RM4 635 kepada Kedai Fizi.
- 22 Belian barang niaga secara kredit RM2 276 daripada Perniagaan Semarak.
- 24 Menghantar nota debit kepada Kedai Fizi kerana invois jualan pada 17 Januari 2018 terkurang caj sebanyak RM515.

Berdasarkan maklumat urus niaga di atas, **anda dikehendaki** merekodkannya ke dalam:

- (a) Jurnal Am (tidak perlu beri keterangan) [3 markah]
- (b) Jurnal Belian [3 markah]
- (c) Jurnal Jualan [3 markah]

- 6(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Buku catatan Pertama Laila Enterprise:

#### **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021 Ogos 1	Bank	6 800	
	Premis	25 000	
	Akaun Belum Terima: Kedai Deen	3 545	
	Akaun Belum		6 540
	Bayar: Farhaa		
	Modal		28 805
	(aset, liabiliti dan ekuiti pada tarikh ini)	35345	35345

#### **Jurnal Jualan**

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
2021 Ogos 6	Amin		5 442
31	Akaun Jualan		5 442

#### **Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
2021 Ogos 16	Amin		670
31	Akaun Pulangan Jualan		670

#### **Jurnal Belian**

---

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
2021 Ogos 8 21	Farhana Johan		3 160 2 800
30	Akaun Belian		5 960

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
2021					2021				
Ogos 1	Baki b/b			6800	Ogos 4	Johan			1700
6	Jualan		10500		16	Bank (k)		7950	
14	Kedai Deen	250		3295	21	Belian			4500
16	Tunai (k)			7950	25	Gaji			2700
					28	Farhana			1500
					31	Baki h/b		2550	7645
		250	10500	18045				10500	18045
Sept. 1	Baki b/b		2550	7645					

Degan menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat dalam buku catatan pertama dan buku tunai di atas

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [7 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [4 markah]

**LAMPIRAN A**

BUKU TUNAI RUNCIT

Tarikh	Butir	F	No. Baucar	Penerimaan (Debit)	Pembayaran (Kredit)	Analisis Bayaran			
						Alat tulis	Pos	Belanja Pejabat	Pelbagai

**JURNAL**


**JURNAL**


